

**BAB 3 KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA**

3.1 Latar belakang Pembinaa Negara dan Bangsa

**3.11a) Terangkan konsep negara dalam masyarakat Melayu tradisional. (ms 65)**

<b>Kerajaan</b>	Kewujudan kerajaan atau negara disebabkan oleh adanya raja tanpa raja sesebuah kerajaan tidak akan wujud.
<b>Tinggi</b>	Kedudukan raja begitu tinggi dan istimewa dalam sesebuah kerajaan.
<b>Perlindungan Raja</b>	bertanggungjawab memberikan perlindungan politik dan menjamin keselamatan rakyat yang mendiami wilayah kekuasaannya.
<b>Mengakui</b>	Rakyat yang mendiami wilayah yang diperintah oleh raja akan menerima dan mengakui kekuasaan raja.
<b>Sempadan</b>	Kesetiaan rakyat terhadap rajanya inilah yang menentukan sempadan kerajaan atau wilayah yang diperintah oleh raja tersebut.
<b>Empayar</b>	Kerajaan yang kuat akan menakluk atau menaungi kerajaan yang lemah untuk mengembangkan empayar seperti Kesultanan Melayu Melaka.
<b>Melaka</b>	Kesultanan Melayu Melaka mempunyai banyak negeri taklukan dan naungan.
<b>Negeri</b>	Negeri bererti kawasan, misalnya negeri Larut, negeri Bemam dan negeri Krian.
<b>Perjanjian</b>	Apabila membuat perjanjian antara Kerajaan Melayu dengan kuasa asing keseluruhan kerajaan disebut negeri dan jajahan takluknya

**3.1b) Terangkan konsep negara yang diperkenalkan oleh pihak British di Tanah Melayu. (ms 65)**

<b>Sempadan</b>	Setiap kerajaan Melayu disebut negeri dengan menetapkan sempadan setiap negeri dan konsep kerajaan beransur luput.
<b>MU</b>	Membina sebuah negara dan bangsa dengan memperkenalkan gagasan Malayan Union pada tahun 1946.
<b>PTM</b>	Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 telah menggabungkan semua Negeri Melayu dalam sebuah pentadbiran pusat.
<b>Merdeka</b>	British memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu menjadikan negara yang merdeka pada tahun 1957.
<b>Malaysia</b>	Persetujuan negeri Sarawak dan Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu mewujudkan negara Malaysia yang berdaulat.

**3.1c) Apakah yang anda faham dengan konsep bangsa dalam konteks negara Malaysia. (ms 66)**

W/negara Konsep bangsa merujuk kepada sekumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan atau warganegara sesebuah negara.

<b>Negara bangsa</b>	Apabila Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan merdeka pada tahun 31 Ogos 1957 dan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963, maka, lahirlah negara dan bangsa Malaysia
<b>Berbilang</b>	Konsep bangsa Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum yang berlainan bangsa, budaya, kepercayaan dan pendapat terhadap keduniaan.
<b>Bahasa</b>	Bangsa Malaysia dibentuk melalui penggunaan satu bahasa

**BAB 3 KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA**

	kebangsaan serta pengamalan kebudayaan kebangsaan dan
<b>Rukun</b>	Negara dalam setiap bidang kehidupan.
<b>Kemerdekaan</b>	Pembentukan bangsa Malaysia merupakan hasil perjuangan kemerdekaan, pengisian kemerdekaan dan pengekalan kemerdekaan.

**3.1.1 Pembinaan Negara dan Bangsa**

**3.1.1a) Apakah yang dimaksudkan negara bangsa di Eropah? (ms 67)**

<b>Rumpun</b>	Konsep negara bangsa moden di Eropah berasaskan sempadan rumpun bangsa dan persamaan bahasa.
---------------	--

**3.1.1b) Terangkan perkembangan yang membawa pembentukan negara bangsa di Barat. (ms 69)**

<b>Revolusi</b>	Idea negara bangsa bermula di Barat pada penghujung abad ke 18 dan ke-19 ekoran tercetusnya Revolusi Inggeris 1688, Perang Kemerdekaan Amerika 1776 dan Revolusi Perancis 1789. menggantikan bentuk negara feudal
<b>Idea</b>	Idea konsep negara bangsa muncul untuk memperjuangkan tentang hak rakyat, kerajaan berperlembagaan dan negara bangsa moden.
<b>Nasionalisme</b>	Pertumbuhan nasionalisme ketika itu memperlihatkan bibit-bibit kelunturan entiti politik berasaskan keagamaan dan kemunculan idea negara bangsa.
<b>Mengancam</b>	Kebangkitan nasionalisme telah mengancam empayar Austria, Rusia dan Turki yang mempunyai penduduk berbilang bangsa.
<b>Persamaan</b>	Para nasionalis menggunakan unsur persamaan rumpun bangsa dan bahasa untuk penyatuan serta pembentukan negara bangsa masing-masing.
<b>Kesepakatan</b>	Kekalahan Jerman dan sekutunya dan Perang Dunia Pertama dan Persidangan Damai Paris telah mencapai kesepakatan melalui Deklarasi Empat Belas Perkara Woodrow Wilson.
<b>Mencadangkan</b>	Deklarasi ini telah mencadangkan dua prinsip, iaitu penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri dan prinsip sempadan negara berasaskan bangsa.
<b>Kemerdekaan</b>	Empayar Austria-Hungary dan Turki yang mengalami kekalahan telah dibahagi-bahagikan berdasarkan etnik dan bangsa membentuk negara bangsa yang merdeka
<b>Baru</b>	Tujuh negara bangsa baru yang muncul di Eropah ialah Chechoslavakia, Estonia, Finland, Latvia, Lithuania, Poland dan Yugoslavia.

**3.1.1c) Bagaimanakah Count Camillo Benso di Cavour membentuk negara bangsa Itali pada abad ke 19? (ms 69)**

<b>Menghalau</b>	Itali menyatukan wilayah-wilayah di bahagian utara seperti Venetia dan Lombardy dengan menghalau orang Austria unruk membentuk sebuah pemerintahan.
<b>Realpolitik</b>	Count Camillo Benso di Cavour menyatukan Itali menjadi sebuah negara dengan menggunakan amalan realpolitik,

**BAB 3 KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA**

<b>Kerjasama</b>	Beliau sangat menyanjung pemerintahan monarki mewujudkan kerjasama dengan Napoleon III pemerintah Perancis bagi menentang Austria pada tahun 1859-60.
<b>Bantuan</b>	Hasil bantuan tentera Napoleon III, Itali berjaya menewaskan Austria.
<b>Pungutan</b>	Melalui pungutan suara yang diadakan, Count Camillo Benso di Cavour memperoleh sokongan majoriti rakyat untuk menyatukan Itali.
<b>Balasan</b>	Wilayah Venetia dipulangkan kepada Itali pada tahun 1866 oleh Perancis sebagai balasan terhadap kerjasama Itali membantu Prussia menewaskan Austria..
<b>Undur</b>	Pada tahun 1870, Perancis mengundurkan tenteranya dari Rom, dan Camillo mengambil peluang ini menyatukan Rom dan Itali membentuk sebuah negara bangsa Itali

**3.1.1d) Terangkan usaha-usaha yang dilakukan Otto Eduard Von Bismarck untuk membentuk negara Jerman. (ms 69)**

<b>Realpolitik</b>	Otto Eduard Von Bismarck mengamalkan realpolitik dan politik darah dan besi untuk menyatukan negara Jerman.
<b>Taktik</b>	Bismarck menggunakan pelbagai taktik seperti tipu helah, pemalsuan dokumen, provokasi, penipuan dan ugutan untuk mencetuskan peperangan.
<b>Diktator</b>	Bismarck menganjurkan sistem kediktatoran yang diterima oleh rakyat untuk penyatuan Jerman.
<b>Benci</b>	Beliau menggunakan isu membenci kuasa asing untuk memenangi dan membangkitkan semangat rakyat Prussia di medan tempur.
<b>Perang</b>	Bismarck melancarkan tiga peperangan menentang musuh iaitu Denmark, Austria dan Perancis.

**3.1.1e) Mengapakah usaha pembinaan negara Islam di Madinah berbeza daripada pembinaan negara bangsa di Eropah? (ms 71)**

<b>Prinsip</b>	Pembentukan kerajaan Islam di Madinah merupakan satu contoh penyatuan melalui prinsip Islam.
<b>Perlembagaan</b>	Nabi Muhammad s.a.w. menyusun perlembagaan terlebih dahulu sebelum mengasaskan kerajaan Islam di Madinah.
<b>Menyatukan</b>	Perlembagaan atau Piagam Madinah berjaya menyatukan penduduknya yang berbilang kaum, iaitu orang Yahudi, orang Kristian dan orang Arab dalam sebuah negara.
<b>Bentuk</b>	Baginda berjaya membentuk kerajaan Islam di Madinah dengan cara diplomasi, musyawarah dan permuafakatan.
<b>Kerjasama</b>	Pembentukan kerajaan Islam di Madinah kerana wujudnya amalan kerjasama dan permuafakatan antara pemimpin dengan pemimpin dan antara pemimpin dengan rakyat.

3.1.2 Ciri-Ciri Negara Dan Bangsa

3.1.2a) Huraikan ciri-ciri negara dan bangsa Malaysia (ms 73)

**Negara.**

<b>Wilayah</b>	Wilayah yang mempunyai penduduk, sempadan dan pemerintah yang berwibawa.
<b>Malaysia</b>	Negara Malaysia terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.
<b>Tanggungjawab Negara</b>	merujuk kepada institusi pemerintahan yang tersusun bertanggungjawab membuat dan melaksanakan keputusan politik serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kerajaan.

**Bangsa**

<b>Persamaan</b>	Sekumpulan manusia yang mendiami sesebuah wilayah serta yang mempunyai persamaan dari segi bahasa, adat resam, kesenian, dan pengalaman sejarah.
------------------	--

**Kerajaan**

<b>Pemerintah</b>	Kerajaan ialah institusi pemerintah yang bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar sesebuah negara.
<b>Badan</b>	Kerajaan merangkumi semua badan yang membuat, mentafsirkan dan melaksanakan dasar-dasar negara.
<b>Pengaman</b>	Kerajaan bertindak sebagai pengaman dan penentu arah kehidupan masyarakat sesebuah negara.
<b>Tiga</b>	Kerajaan di negara terdiri daripada tiga badan dalam pemerintahan, iaitu Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman.

**Perlembagaan**

<b>Perlembagaan</b>	Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi sarna ada bertulis atau tidak bertulis yang menjadi rujukan dan panduan bagi mentadbir dan memerintah sebuah negara.
<b>Rujukan</b>	Di Malaysia, perlembagaan merupakan peraturan bertulis tertinggi yang didokumenkan dan dijadikan rujukan untuk mentadbir negara.
<b>Jaminan</b>	Perlembagaan bertujuan memberikan jaminan perlindungan kepada rakyat negara ini. Kesultanan Melayu Melaka

**3.2 Kesultananan Melayu Melaka. Asas Pembentukan Negara dan Bangsa**

**3a) Terangkan ciri-ciri negara dan bangsa dalam kesultanan Melayu Melaka (ms 75)**

<b>Wilayah</b>	Kesultanan Melayu Melaka mempunyai wilayah lingkungan pengaruh yang luas meliputi meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh timur Sumatera.
<b>Kedaulatan</b>	Kedaulatan dirujuk terus kepada raja yang memerintah negeri bebas daripada campur tangan, paksaan dan penjajahan dan mempunyai hak mutlak terhadap rakyatnya.
<b>Lambang</b>	Sistem pemerintahan beraja, adat istiadat Melayu alat regalia, nobat, wama, bahasa, undang-undang, protokol dan adat istiadat istana., bahasa Melayu dan agama Islam menjadi identiti Melaka.
<b>Undang-Undang</b>	Terdapat dua sumber undang-undang bertulis yang dipengaruhi oleh adat tempatan dan agama Islam, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
<b>Kanun</b>	Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 fasal yang menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar serta pantang di kalangan anggota masyarakat.
<b>Hukuman</b>	Hukum Kanun Melaka ini turut menyatakan hukuman terhadap kesalahan jenayah awam, undang-undang keluarga dan sebagainya.
<b>Laut</b>	Undang-undang Laut Melaka memperuntukkan perkara yang berkaitan dengan tatacara pelayaran di laut seperti tanggungjawab pengawal kapal, atur cara pelayaran, pemiagaan, bidang kuasa nakhoda kapal dan hukuman bagi kesalahan jenayah.
<b>Rakyat</b>	Rakyat bertanggungjawab untuk mentaati raja yang memerintah bersedia mempertahankan negara, menghadiri adat istiadat kerajaan, mengadakan gotong royong, kerahan tenaga dan sebagainya
<b>Kerajaan</b>	Sultan merupakan pemerintahan tertinggi yang dibantu oleh Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggong dan Laksamana menjadi tonggak institusi kerajaan yang memerintah dan diberi portfolio mengikut bidang tugas masing-masing.

**3.3 Warisan Negeri-Negeri Melayu**

**3.3a) Huraikan unsur-unsur warisan Kesultanan Melaka yang diamalkan di negeri-negeri Melayu. (ms 80)**

<b>Sistem</b>	Sistem pemerintahan Negeri-Negeri Melayu seperti Johor, Perak dan Pahang berdasarkan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.
<b>Gelaran</b>	Menggunakan gelaran Sultan pada awal nama masing-masing.
<b>Pewaris</b>	sistem pewarisan takhta di negeri-negeri tersebut mementingkan jurai keturunan sebelah bapa putera sulung sultan dengan permaisurinya berpeluang mewarisi takhta kerajaan. Dan sekiranya sultan tidak mempunyai putera, adik lelaki sultan mewarisi takhta.
<b>Lipatan</b>	Mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan perbezaan pada gelaran pembesarnya. disebabkan perubahan semasa dan penyesuaian dengan keadaan tempatan.
<b>Undang-</b>	Kitab undang-undang disalin dan dipinda berdasarkan Hukum

### BAB 3 KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA

<b>Undang</b>	Kanun Melaka untuk disesuaikan dengan unsur tempatan.
<b>Adat</b>	Adat istiadat Melayu seperti pertabalan raja membaca doa, melafaz ikrar, bersiram dan berarak dengan iringan alat-alat kebesaran.
<b>Cop</b>	Mohor Digunakan dalam urusan resmi untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran
<b>Alat</b>	Alat-alat kebesaran seperti keris atau pedang dan payung ubur-ubur berwarna kuning ketika baginda diadakan upacara pertabalan dan ketika bersemayam di balairung seri.
<b>Nobat</b>	Nobat akan dimaikan ketika upacara pertabalan dan kemangkatan Sultan
<b>Rasmi</b>	Agama Islam menjadi agama rasmi di Melaka dan menjadi amalan negeri-negeri Melayu.
<b>Bahasa</b>	Bahasa Melayu dan bahasa yang digunakan dengan raja disebut bahasa dalam seperti patik, beta, bersiram, mangkat dan sebagainya.
<b>Warna</b>	Menggunakan warna putih dan kuning untuk sultan dan kerabat raja
<b>Menjunjung</b>	Menjunjung duli menyembah raja dan berpakaian ketika mengadap raja.
<b>Perhiasan</b>	Pakaian dan perhiasan raja dan raja perempuan diperbuat daripada emas dengan tатаh permata penuh dengan unsur-unsur seni.

#### 3.3.1a) Namakan PerlembagaanJohor? (ms 80-81)

<b>Tubuh</b>	Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor.
--------------	-------------------------------------

#### 3.3.1b) Namakan pengasas dan tahun perlembagaan Johor digubal? (ms 80)

	Sultan Abu Bakar pada tahun 1895.
--	-----------------------------------

#### 3.3.1c) Nyatakan kandungannya. (ms 81)

<b>Keturunan</b>	Mengandungi perkara tentang keturunan sultan sebagai pewaris takhta kerajaan.
<b>Melayu</b>	Mengandungi pengiktirafan orang Melayu Johor sebagai rakyat Johor.
<b>Islam</b>	Menyatakan agama Islam sebagai agama rasmi.

#### 3.3.1d) Jelaskan kedudukan sultan berdasarkan perlembagaan Johor. (ms 82)

<b>Bangsa</b>	Raja hendaklah berbangsa Melayu, lelaki dan beragama Islam.
<b>Larang</b>	Raja, menteri dan jemaah pangkuan negeri dilarang menyerahkan negeri kepada kuasa luar.
<b>Perkenan</b>	Raja berkuasa melantik Menteri Besar dan Naib Menteri Besar dipilih oleh Jemaah Menteri dengan perkenan raja

#### 3.3.1e) Nyatakan struktur pentadbiran negeri Johor. (ms 82)

##### Majlis Mesyuarat Kerajaan

<b>Majlis</b>	Majlis Mesyuarat Kerajaan dibahagikan kepada dua, Majlis Negeri
---------------	---

**BAB 3 KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA**

	yang mempunyai kuasa perundangan dan Jemaah Menteri yang mempunyai kuasa pelaksanaan.
<b>MB</b>	Majlis Negeri dipengerusikan oleh Menteri Besar sebagai Yang Dipertua dan berfungsi membantu Raja dan Jemaah Menteri dalam mentadbir negeri dan rakyat.
<b>JM</b>	Jemaah Menteri pula terdiri daripada lapan hingga dua belas orang pegawai kanan kerajaan yang menjadi ahli Majlis Negeri berbangsa Melayu, beragama Islam dan merupakan rakyat Johor.
<b>Sumpah</b>	Setiap pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Menteri mesti mengangkat sumpah dan memberikan taat setia kepada Raja sertakerajaanJohor.
<b>Sidang</b>	Persidangan Jemaah Menteri diadakan sebulan sekali dan pada bila-bila mas a apabila dikehendaki oleh Raja atau diminta oleh Menteri Besar atau Naib Menteri Besar atau dengan permintaan tiga orang ahli Jemaah Menteri.
<b>Demokrasi</b>	Penggubalan perlembagaan bertulis ini didorong oleh pemerintah untuk membentuk kerajaan bercorak demokrasi bagi menggantikan pemerintahan raja berkuasa mutlak.
<b>Halang</b>	Pengisytiharan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor berjaya memantapkan sistem pentadbiran bagi menghalang rancangan British menguasai negeri Johor.

**3.3.2) Sistem Jemaah Menteri di Kelantan bertujuan untuk melicinkan pentadbiran dan pemerintahan. Jelaskan. (ms 82-84)**

<b>Pemerintahan</b>	Diamalkan semasa pemerintahan Sultan Muhammad I dengan melantik beberapa orang pembesar untuk membantu pentadbiran baginda.
<b>Perkemas</b>	Sultan Muhammad II telah memperkemas Sistem Jemaah Menteri dengan mewujudkan lapan badan Jemaah Menteri.
<b>Anggota</b>	Setiap Jemaah Menteri mempunyai bidang tugas masing-masing dianggotai oleh empat orang pembesar
<b>Lapan</b>	Terdapat lapan jemaah menteri yang menguruskan pentadbiran di Kelantan
<b>Penasihat</b>	i) Jemaah Penasihat Raja
	Menguruskan perkara dan urusan penting yang bukan rahsia. in
<b>Istana</b>	ii) Jemaah Menteri Istana
	Menguruskan istiadat diraja dan istiadat rasmi di seluruh negeri Kelantan
<b>Keadilan</b>	iii) Jemaah Menteri Keadilan dan Kehakiman
	Mengendalikan urusan penting tentang keadilan dan kehakiman.
<b>Dalam</b>	iv) Jemaah Menteri Dalam Negeri
	Menjaga keamanan negeri.
<b>Luar</b>	v) Jemaah Menteri Luar N el:eri
	Menguruskan dasar dan hal ehwalluar negara.
<b>Harta</b>	vi) Jemaah Menteri Perbendaharaan
	Perbendaharaan Mengendalikan harta benda dan hasil mahsur.
<b>Perang</b>	vii) Jemaah Menteri Peperangan
	Peperangan Menguruskan pertahanan dan keamanan negeri.
<b>Imarah</b>	viii) Jemaah Menteri pentadbiran dan Pengimarah Negeri
	Pentadbiran Menguruskan kemajuan dan pembangunan negeri.
<b>Nik dan Wan.</b>	Sultan Muhammad II menyingkirkan kerabat diraja yang terlibat dalam pertikaian merebut kuasa dan menggantikannya dengan pembesar yang bergelar Nik dan Wan
<b>Mengukuhkan</b>	Golongan pembesar membantu mengukuhkan kewibawaan Sultan Muhammad II dengan memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada baginda.

**3.3.3) Terangkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu yang diperkenalkan oleh Sultan Zainal Abidin III pada tahun 1881 hingga 1918. (ms 84-86)**

<b>Keyakinan</b>	Pada tahun 1911, Sultan Zainal Abidin meluluskan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu yang dikenali sebagai Ittiqan-ilmuluk bi-ta'dil il-suluk yang bermaksud keyakinan kepada pemerintah yang berdasarkan keadilan.
<b>Berasaskan</b>	Undang-undang ini berasaskan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.
<b>Halang</b>	Tujuan baginda memperkenalkan perlembagaan bertulis tersebut adalah untuk menghalang British yang sedang berusaha meluaskan kuasanya di Terengganu.
<b>Monarki</b>	Masih mengekalkan amalan sistem monarki dengan memberikan kedudukan yang istimewa kepada agama Islam, iaitu sebagai agama negeri.
<b>Pelembagaan</b>	Pemerintahan beraja di Terengganu bercorak raja berperlembagaan.
<b>Pemerintah</b>	Pemerintah Terengganu mesti beragama Islam, berbangsa Melayu, lelaki, dan merupakan waris Sultan yang memerintah Terengganu.
<b>Bantu</b>	Sultan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Jemaah Menteri dalam melaksanakan pemerintahan.
<b>Menteri</b>	Menteri yang menganggotai Mesyuarat Kerajaan mestilah beragama Islam, berbangsa Melayu, rakyat Terengganu, serta mengaku taat setia kepada Sultan dan kerajaan.
<b>MB</b>	Majlis Mesyuarat Kerajaan diketuai oleh Menteri Besar yang dilantik oleh Sultan.
<b>Naib</b>	MB Jemaah Menteri berhak memilih Naib Menteri Besar setelah diperkenankan oleh Sultan.
<b>Ahli</b>	Ahli Mesyuarat Kerajaan bertanggungjawab membantu Sultan dan Jemaah Menteri untuk mentadbir negeri, menggubal undang-undang dan peraturan negeri, menjaga kebajikan rakyat, menjaga keamanan dan menjalinkan hubungan persahabatan dengan negeri lain.
<b>Larang</b>	Waris Sultan atau Menteri dilarang mengkhianati pemerintah negeri dan ditegah daripada menyerahkan negeri kepada kuasa lain.
<b>Jamin</b>	Pemerintah Terengganu menyedari kepentingan perlembagaan bertulis yang teratur dan mantap untuk menjamin sistem pentadbiran yang berkesan.
<b>Bijak</b>	Perlembagaan bertulis menggambarkan kebijaksanaan pemerintah Terengganu untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dan sebagai benteng untuk mengekalkan kedaulatan negeri.

**3.3.4a) Apakah gelaran pemerintah tertinggi di Negeri Sembilan? (ms 87-89)**

<b>Dipertuan</b>	Gelaran ialah Yang Dipertuan Besar.
------------------	-------------------------------------

**3.3.4b) Terangkan peranan Undang dalam sistem pemerintahan di Negeri Sembilan.**

<b>Lantik</b>	Undang dipertanggungjawab melantik Yang Dipertuan Besar
<b>Perunding</b>	Menjadi perunding dalam setiap keputusan yang dibuat oleh Yang Dipertuan Besar.
<b>Luak</b>	Menjadi ketua luak

3.3.4c) Senaraikan empat luak utama di Negeri Sembilan.

i)	Rernbau
ii)	Johol
iii)	Sungai Ujong
iv)	Jelebu

3.3.4d) Jelaskan unsur demokrasi dalam sistem pemerintahan dalam di Negeri Sembilan.

<b>Rakyat</b>	Negeri Sembilan mengamalkan sistem pemerintahan berdasarkan Adat Perpatih, iaitu kedaulatan berada di tangan rakyat.
<b>Bawah</b>	Pelantikan pemimpin dibuat daripada peringkat paling bawah, iaitu Anak Buah, diikuti oleh Buapak, Lembaga dan Undang yang kemudiannya melantik Yang Dipertuan Besar.
<b>Perlantikan</b>	Perlantikan pembesar dibuat oleh Undang, Lembaga, Buapak dan Anak Buah walaupun Yang Dipertuan Besar pemerintah tertinggi kerajaan.
<b>Perundingan</b>	Setiap keputusan yang dibuat oleh Yang Dipertuan Besar adalah berdasarkan perundingan baginda dengan Undang.
<b>Undang</b>	Setiap luak ditadbir oleh Undang dan mereka ini dipilih oleh Lembaga.
<b>Tanggungjawab</b>	Undang dipertanggungjawabkan untuk melantik Yang Dipertuan Besar.
<b>Lembaga</b>	Lernbaga dilantik oleh Buapak merupakan ketua suku anggota masyarakat bertanggungjawab terhadap suku masing-masing.
<b>Layak</b>	Lernbaga berkuasa melantik individu yang layak menjadi Undang.
<b>Buapak</b>	Buapak merupakan Ketua Perut menjadi temp at rujukan bagi setiap masalah, khususnya, yang berkaitan dengan adat
<b>Anak</b>	Buah Setiap anggota Perut dikenali sebagai Anak Buah .
<b>Pengagihan</b>	Sistem mengagihkan kuasa kepada individu mengikut peringkat menunjukkan sistem pemilihan pemimpin di Negeri Sembilan mempunyai unsur demokrasi.

3.3.4e) Apakah peraturan hidup yang menjadi amalan dalam Adat Perpatih. (ms 87-89)

<b>Bersama</b>	Kepentingan bersama.
<b>Gotong royong</b>	Semangat gotong royong.
<b>Muafakat</b>	Bermuafakat di kalangan masyarakat untuk memilih pemimpin.
<b>Hormat</b>	Saling menghormati di antara satu sama lain.
<b>Peraturan</b>	Melahirkan peraturan hidup seperti kepentingan bersama, semangat bergotong-royong, permuafakatan dan sikap saling menghormati an tara satu sarna lain.